

KEBERKESANAN REFLEKSI PENTAKSIRAN TUGASAN DALAM PENILAIAN BERTERUSAN TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR

¹Noor Hayati Binti Yaacob, ²RoZIAH Binti Ismail, ³Siti Rahmah Binti Ramly

¹⁻³Unit Matematik, Kolej Matrikulasi Kelantan

[¹hayatiyaacob7577@gmail.com](mailto:hayatiyaacob7577@gmail.com), [²roziahismail86@gmail.com](mailto:roziahismail86@gmail.com), [³seetyrahmah@gmail.com](mailto:seetyrahmah@gmail.com)

ABSTRAK

Keputusan peperiksaan (PSPM) pelajar merupakan aspek yang paling penting dalam menentukan kursus- kursus dan tempat pengajian pelajar di peringkat yang lebih tinggi selepas matrikulasi. Seperti yang diketahui, Penilaian Berterusan (PB) menyumbang sebanyak 40% markah keputusan akhir bagi subjek Matematik di matrikulasi. PB bagi subjek Matematik adalah tugas individu, tugas berkumpulan dan perbincangan berkumpulan di dalam kelas. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kaedah tugas yang diberikan kepada pelajar dapat mempengaruhi pencapaian akhir pelajar melalui keputusan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) bagi semester 1. Kajian ini melibatkan 15 orang pelajar dari kumpulan praktikum SIAT4 sesi 2018/2019 di Kolej Matrikulasi Kelantan. Kajian ini melibatkan temubual, pemerhatian dan analisis data keputusan PSPM dan perbandingan markah tugas pelajar SIAT4. Dapatan kajian ini menunjukkan kaedah memberi tugas kepada pelajar dapat membantu dan memberi kesan yang besar dalam meningkatkan keputusan PSPM pelajar terutamanya bagi pelajar yang lemah kerana pelajar memperoleh markah yang tinggi bagi tugas mereka dan seterusnya PB mereka juga adalah tinggi. Oleh itu, kajian mendapati markah PB mempengaruhi keputusan PSPM. Pelajar mempunyai ruang masa yang cukup untuk menyiapkan tugas yang diberi dengan lengkap dan sempurna. Pelajar juga boleh merujuk mana-mana sumber, nota dan buku rujukan bagi membantu menyiapkan tugas yang telah diberikan